A

Noor Shariful Rizal bin Noor Zawawi lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — RAYUAN JENAYAH NO 41S-01–06 TAHUN 2015
HASSAN ABDUL GHANI PK
9 MAC 2016

C

Keterangan — Terima masuk — Spesimen air kencing — Penyalahgunaan dadah — Akta Dadah Berbahaya 1952, s 15(1) — Sabitan dan hukuman — Rayuan terhadap — Prosedur pengambilan dan penganalisaan spesimen air kencing — Sama ada teratur prosedur pengambilan dan penganalisaan — Sama ada teratur — Sama ada memenuhi s 31A(1A) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Sama ada kegagalan mematuhi IGSO Bab F arahan administratif oleh Ketua Polis Negara menjejaskan keputusan ujian air kencing — Sama ada mandatori bagi pihak polis menyediakan dua botol sampel air kencing — Sama ada pengambilan satu sampel air kencing memprejudiskan perayu

D

E

Tertuduh dituduh menggunakan methamphetamine ke dalam tubuh badan dengan cara menyalahi undang-undang, satu kesalahan di bawah s 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Pegawai polis SP1 telah menahan tertuduh di sebuah padang bola kerana disyaki terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Tertuduh dibawa ke balai polis dan diarahkan oleh SP1 untuk membekalkan

F

spesimen air kencing. Hasil saringan awal ke atas air kencing tertuduh didapati positif dadah dan sampel air kencing tersebut kemudiannya diserahkan kepada jabatan patologi. Hasil analisa SP3 mengesahkan air kencing tertuduh mengandungi dadah methamphetamine. Di peringkat kes pembelaan, tertuduh memilih untuk berdiam diri. Tertuduh disabitkan atas pertuduhan

G

dan dijatuhkan hukuman penjara selama tujuh bulan dan pengawasan selama dua tahun oleh majistret. Oleh itu, timbul rayuan ini.

Diputuskan, menolak rayuan; mengekalkan sabitan dan hukuman:

H

(1) IGSO-Bab F bukanlah merupakan satu undang-undang dan hanya merupakan satu arahan oleh Ketua Polis Negara yang diadakan secara administratif bertujuan untuk mewujudkan keseragaman terhadap tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh pihak polis selepas tangkapan dibuat ke atas seorang yang disyaki mengambil dadah berbahaya. Oleh itu, kegagalan untuk mematuhi IGSO-Bab F tidak semestinya

I

menyebabkan sabitan tersebut diketepikan. Tiada peruntukan dalam ADB berkaitan yang mengatakan jika tatacara dan garis panduan di bawah IGSO-Bab F tidak dipatuhi, ia akan memberi impak dan menjejaskan keputusan ujian air kencing tertuduh (lihat perenggan 17 & 32).

(2) Di bawah s 31A(1A) ADB, terdapat keperluan air kencing tertuduh diambil dengan kadar segera bagi tujuan keterangan pemeliharaan bukti 'preservation of evidence' sebelum kesemua kesan dadah hilang daripada badan tertuduh. Di dalam kes ini, arahan untuk tertuduh menyediakan air kencing dibuat oleh SP1, yang merupakan seorang pegawai polis berpangkat ASP. Oleh itu, prosedur ini telah memenuhi peruntukan s 31A(1A) ADB. Oleh kerana Akta yang mengawal selia tatacara pengambilan spesimen air kencing tertuduh ialah Akta, ianya bermakna adalah tidak mandatori untuk pihak polis di dalam kes ini menyediakan dua botol sampel air kencing milik tertuduh untuk dibuat ujian saringan awal dan penganalisaan oleh jabatan patologi (lihat perenggan 30 & 34).

(3) Tiada keraguan berkait dengan identiti barang kes dan tidak ada kesenjangan di dalam rantaian keterangan barang kes tersebut dari awal pengumpulan spesimen air kencing tertuduh, proses ujian saringan awal dan seterusnya ke peringkat analisa sampel air kencing oleh SP3 sehinggalah barang kes tersebut dikemukakan di mahkamah. Ketepatan keputusan penganalisaan oleh SP3 juga kekal tidak tercabar kerana keterangannya bahawa walaupun hanya satu botol sampel air kencing disediakan oleh SP1, isipadu atau kuantiti sampel air kencing tersebut adalah mencukupi untuk dianalisa dan tidak dicemar. Keterangan SP3 mestilah diterima 'on its face value' (lihat perenggan 39 & 41–42).

(4) Di bawah s 31A ADB, undang-undang tidak menetapkan sama ada satu atau dua atau tiga sampel perlu diambil untuk tujuan pemeriksaan air kencing. Walaupun hanya satu sampel diambil, ia tidak memberi efek kepada keputusan penganalisaan kerana SP3 telah mengatakan jumlah sampel air kencing yang diambil adalah mencukupi untuk dibuat penganalisaan. Berapa banyak sampel air kencing yang diambil pun ia tetap sama iaitu air kencing tersebut milik tertuduh. Apa yang material untuk pembuktian kes ialah botol yang mengandungi spesimen air kencing itu telah dilabel dengan sempurna dengan nama tertuduh, nombor kad pengenalan, nombor pelekat, berseal dan lain-lain untuk memastikan ianya tidak bertukar dengan sampel air kencing milik orang lain. Prosedur pengambilan dan keputusan penganalisaan air kencing adalah teratur mengikut Akta. Walaupun hanya satu sampel air kencing milik tertuduh diambil, ia tidak memprejudiskan tertuduh dan tidak mendatangkan ketidakadilan kepadanya. Satu kes prima facie telah dibuktikan terhadap tertuduh berasaskan kepada s 37(k) ADB (lihat perenggan 45 & 51).

[English summary

The accused was accused for unlawfully administering methamphetamine into his body, an offence under s 15(1) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA'). Police officer SP1 arrested the accused at a football field for being allegedly involved in misuse of drugs. The accused was brought to the police

station and ordered by SP1 to supply his specimen of urine. The preliminary test on the accused's urine revealed positive of drugs and the sample of the urine was then handed to the pathology department. An analysis by SP3 confirmed that the accused's urine contained the drugs methamphetamine. At the defence stage, the accused opted to remain silent. The accused was convicted for the offence and sentenced to seven months imprisonment and observation of two years by the magistrate. Hence, the present appeal.

Held, dismissing the appeal; maintaining the conviction and sentence:

(1) IGSO-Bab F is not the only law and is only a directive by the Inspector General of Police which was carried administratively, aiming at forming uniformity on the acts that must be taken by the police after an arrest is carried out on a person who is suspected of taking dangerous drugs. Therefore, the failure to comply with IGSO-Bab F might not necessarily result in the conviction being set aside. There is no provision in the DDA which stipulates that if the procedure and the guidelines under IGSO-Bab F is not complied with, it would create an impact and jeopardise the result of the accused's urine test (see paras 17 & 32).

(2) Under s 31A(1A) of the DDA, it is a requirement to take the accused's urine as soon as possible for the reason of preservation of evidence before all the drugs are gone from the accused's body. In this case, the order for the accused to supply his urine was made by SP1 who was an ASP police officer. Therefore the procedure complied with provision of s 31A(1A) of the DDA. Since the Act that governed the procedures of taking the accused's urine specimen is an Act, this meant that it was not mandatory for the police in this case to provide two bottles of urine test belonging to the accused for the preliminary test and analysis by the pathology department (see paras 30 & 34).

(3) There was no doubt as to the identity of the case item and there was no imbalance in the chain of evidence of the item right from the gathering of the accused's urine specimen, the preliminary test and the analysis of the urine stage by SP3 until the case items were adduced in the court. The accuracy of the analysis results by SP3 remained unchallenged as his evidence that even though only one bottle was provided by SP1, the measurement or the quantity of the urine sample was sufficient for analysis and uncontaminated. SP3's evidence must be accepted on its face value (see paras 39 & 41–42).

(4) Under s 31A of the DDA, the law does not stipulate whether one or two or three samples must be taken for the purpose of urine analysis. Even though only one sample was taken, it did not affect the results of the analysis because SP3 said that the amount of urine sample taken was sufficient for analysis. No matter how much urine was taken, the fact remained that the urine belonged to the accused. What was material to

prove the case was that the bottle which contained the urine specimen was perfectly labelled with the accused's name, identification number, sticker bearing numbers, sealed and so on to ensure there is no mixed up with urine samples belonging to others. The procedures taken and the analysis results was regular under the Act. Even though only one urine sample of the accused was taken, it did not prejudice the accused and did not occasion injustice. A prima facie case was proven against the accused based on s 37(k) of the DDA (see paras 45 & 51).]

Nota-nota:

Untuk kes-kes mengenai terima masuk secara am, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 97–165.

Kes-kes yang dirujuk:

Gurdev Singh a/l Tejwant Sing & Ors v Pendakwa Raya [1999] MLJU 718; [1999] 1 LNS 327, MT (dirujuk)

Junaidi bin Abdullah v PP [1993] 3 MLJ 217, MA (dirujuk)

Khoo Hi Chiang v PP and another appeal [1994] 1 MLJ 265, MA (dirujuk)

Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492, MA (diikut)

PP v Chan Kam Leong [1989] 1 MLJ 326; [1989] 2 CLJ Rep 311, MT (dirujuk)

PP v Mohamad Rasid bin Jusoh [2009] MLJU 178; [2009] 9 CLJ 557, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk:

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 15(1)(a), 31A, 31A(1), (1A), 37(k), 38B(1), 39B

Richard Bong (Bong & Co) bagi pihak perayu.

Siti Hajar bt Mustaffa (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Hassan Abdul Ghani PK:

PENGENALAN

[1] Rayuan ini dikemukakan oleh tertuduh yang tidak berpuas hati dengan keputusan majistret, yang memutuskan di akhir kes pembelaan, tertuduh didapati bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan di bawah s 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('pindaan 2003') dibaca bersama s 38B(1) Akta yang sama dan dihukum penjara selama tujuh bulan dari tarikh 27 Mei 2015 dan pengawasan selama dua tahun.

[2] Rayuan ini adalah terhadap sabitan sahaja.

PERTUDUHAN

[3] Tertuduh dituduh dengan kesalahan menggunakan dadah berbahaya jenis methamphetamine ke dalam tubuh badan dengan cara menyalahi undang-undang.

[4] Tuduhan ke atas tertuduh adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 23hb Jun 2014, jam lebih kurang 7.00 petang di Balai Polis Temerloh, di dalam Daerah Temerloh, di dalam Negeri Pahang Darul Makmur, telah didapati menggunakan dadah berbahaya jenis Methamphetamine ke dalam tubuh badan kamu dengan cara menyalahi undang-undang. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 (pindaan 2003) dan dibaca bersama s 38B(1) Akta yang sama.

FAKTA KES

[5] Tertuduh yang diwakili peguam tidak mengaku salah di atas pertuduhan dan mohon dibicarakan. Beliau adalah seorang anggota polis berpangkat L/Koperal.

[6] Secara ringkas fakta kes adalah seperti berikut. Pada 23 Jun 2014 jam lebih kurang 6.30 petang, ASP Woon Khoon Ming ('SP1') yang bertugas sebagai Ketua Bahagian Narkotik Daerah Temerloh bersama tujuh orang anggotanya telah menahan tertuduh di padang bola kawasan perumahan polis Temerloh Jaya kerana disyaki terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

[7] Tertuduh telah dibawa balik ke Balai Polis Temerloh dan telah diarahkan oleh SP1 untuk membekalkan spesimen air kencing. SP1 telah menjalankan ujian saringan awal air kencing tertuduh. Hasil saringan awal ke atas air kencing tertuduh didapati positif dadah methamphetamine.

[8] SP1 kemudiannya menyerahkan sampel air kencing tersebut kepada pegawai penyiasat ('SP4'). Pada 25 Jun 2014, SP4 telah menyerahkan sampel air kencing tersebut kepada jabatan patologi dan hasil analisa, SP3 mengesahkan air kencing tertuduh mengandungi dadah jenis methamphetamine. SP3 juga telah menyediakan laporan ujian pengesanan dadah dalam air kencing yang dikemukakan sebagai P9.

[9] Berdasarkan kepada fakta di atas, majistret yang bijaksana telah memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* ke atas tertuduh dan tertuduh telah dipanggil untuk membela diri di atas pertuduhan.

[10] Di peringkat kes pembelaan, tertuduh telah memilih untuk berdiam diri. Majistret telah dapati tertuduh bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan.

[11] Tertuduh yang terkilan dengan keputusan mahkamah majistret telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi. Rayuan tertuduh tertumpu kepada prosedur pengambilan sampel air kencing kerana dikatakan tidak mematuhi IGSO-Bab F.

PETISYEN RAYUAN

[12] Di dalam petisyen rayuannya, tertuduh mengemukakan tiga alasan utama iaitu:

(a) Puan majistret yang bijaksana telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal mengambil kira bahawa pihak pendakwaan telah gagal sama sekali untuk menurut tatacara pengambilan air kencing: IGSO-BAB F; dan (keterangan SP1: ASP Woon Khoon Ming);

(b) Puan majistret yang bijaksana telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal mengambil kira bahawa adalah satu tanggungjawab mandatori pihak pendakwaan dan telah gagal mengumpulkan dua botol sampel air kencing dari perayu untuk dianalisakan; dan

(c) Puan majistret yang bijaksana telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila mengambil kira bahawa satu botol sampel air kencing sahaja digunakan untuk keseluruhan analisa telah memprejudiskan perayu.

Isu (1) – Sama ada pihak pendakwaan telah gagal untuk menurut tatacara pengambilan air kencing mengikut IGSO-BAB F

[13] IGPSO-Bab F103 atau PTKPN F103 memperuntukkan seperti berikut:

1. PENDAHALUAN

> Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 (pindaan 1998) digubal bertujuan untuk memberi rawatan dan pemulihan kepada penagih-penagih dadah. Selain merupakan proses rawatan lanjutan yang menitik beratkan pengawasan ke atas penagih-penagih bertujuan memastikan mereka tidak mengulangi tabiat penagihan mereka. PTKPN ini adalah bertujuan untuk memastikan segala tindakan ke atas orang-orang kenaan dilakukan mengikut peruntukan-peruntukan yang ditetapkan di bawah Akta ini.

8. TATACARA MENGAMBIL AIR KENCING

Tatacara pengambilan contoh air kencing dari penagih-penagih yang disyaki adalah seperti berikut:–

8.1 CONTOH AIR KENCING DIAMBIL SELEPAS TANGKAPAN

...

8.2 PEMILIHAN 2 BUAH BOTOL OLEH PENAGIH YANG DISYAKI

Setiap penagih dadah yang disyaki hendaklah diberi sebanyak dua buah botol plastik kosong yang dikhaskan serta baru dan belum pernah digunakan lengkap dengan penutupnya. Penagih berkenaan hendaklah diberi peluang memilih sendiri botol-botol plastik tersebut daripada kotak simpanannya serta ia berpuas hati dengan botol-botol tersebut berkeadaan bersih dan boleh digunakan. Sebuah botol air kencing adalah untuk tujuan ujian awal di peringkat polis jika perlu dan sebuah lagi untuk dihantar ke hospital bagi penganalisaan.

[14] Berkait dengan isu di perenggan (1), peguam yang bijaksana bagi pihak tertuduh mengatakan di dalam kes ini hanya satu botol sampel air kencing milik tertuduh diambil untuk digunakan bagi keseluruhan analisa. Keterangan ini disahkan dan diakui oleh SP1. SP1 juga mengesahkan mengikut IGSO-Bab F, beliau sepatutnya mengambil dua botol sampel air kencing milik tertuduh.

[15] Peguam mengatakan keterangan SP3 yang mengesahkan menjalankan ujian saringan dan ujian pengesahan 'confirmation' menggunakan sampel air kencing dari satu botol yang sama mengesahkan keterangan SP1 bahawa hanya satu sampel botol diambil dan dihantar ke jabatan patologi untuk penganalisaan air kencing.

[16] Mahkamah ini bersetuju dengan penghujahan peguam bahawa mengikut IGSO-Bab F dan seperti yang diakui oleh SP1, pihak polis sepatutnya menyediakan dua botol sampel air kencing tertuduh untuk dibuat saringan awal oleh pihak polis dan penganalisaan oleh jabatan patologi.

Isu (2) – Adakah pihak pendakwaan bertanggungjawab secara mandatori untuk menyediakan dua botol sampel air kencing dari tertuduh untuk analisa

[17] Berkait dengan isu di perenggan (2), mahkamah berpendapat IGSO-Bab F bukanlah merupakan satu undang-undang. la hanya merupakan satu arahan oleh YAS Ketua Polis Negara yang diadakan secara administratif bertujuan untuk mewujudkan keseragaman terhadap tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh pihak polis selepas satu tangkapan dibuat ke atas seorang

yang disyaki mengambil dadah berbahaya. la merupakan dokumen dalaman milik Polis Diraja Malaysia dan tidak sepatutnya dikemukakan di mahkamah.

[18] Mahkamah berpendapat IGSO-Bab F adalah sama seperti IGSO untuk garis panduan kawad cam yang juga dikeluarkan atas arahan Ketua Polis Negara.

[19] Di dalam kes *Gurdev Singh a/l Tejwant Sing & Ors v Pendakwa Raya* [1999] MLJU 718; [1999] 1 LNS 327, salah satu isu yang timbul di dalam kes tersebut ialah sama ada kawad cam telah dijalankan dengan sempurna jika IGSO telah dipatuhi.

[20] Di dalam kes tersebut pihak peguambela tertuduh telah mengemukakan isu di mana pihak pendakwaan membantah pengemukaan IGSO berkait kawad cam di mahkamah di atas alasan 'confidentiality and privilege' walaupun saksi berkaitan ('SP11') mengatakan beliau boleh mengemukakannya.

[21] Mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

> Having considered the question in relation to the circumstances of the case which is whether the identification parade was conducted properly, the court must hold that the IGSO itself is irrelevant. The court must satisfy itself that the Identification Parade is conducted in a satisfactory manner. If the directions in the IGSO is inadequate the fact that the IGSO was faithfully followed cannot bind the court to hold that an identification parade faithfully following the IGSO is satisfactory. There is therefore no purpose in production of the IGSO.

[22] Sungguhpun di dalam kes di atas isu yang menjadi pertikaian adalah samada IGSO itu boleh dikemukakan di mahkamah atau tidak, *ratio* kes di atas berkait dengan IGSO adalah relevan dengan kes yang ada di hadapan mahkamah. Dengan menerima pakai *ratio* kes di atas di dalam kes di hadapan mahkamah, ianya bermakna mahkamah mestilah berpuas hati bahawa pemeriksaan air kencing itu telah dibuat dengan cara yang memuaskan 'in a satisfactory manner'. Jika pun IGSO Bab F itu telah dipatuhi, ianya tidak bermakna bahawa ia telah mengikat mahkamah untuk mengatakan bahawa satu pemeriksaan air kencing yang dibuat berdasarkan tatacara IGSO-Bab F adalah memuaskan. Jika ianya tidak dipatuhi, tidak bermakna mahkamah akan memutuskan keputusan ujian saringan awal dan penganalisaan oleh pegawai sains dan kimia tidak sah jika prosedur pemeriksaan air kencing telah dibuat dengan teliti dan memuaskan. Di dalam ertikata lain IGSO adalah tidak relevan dan tidak mengikat mahkamah untuk membuat satu dapatan atau keputusan. Ianya bergantung kepada fakta yang ada di hadapan mahkamah.

[23] Alasan yang sama di atas juga terpakai kepada garis panduan bagi ujian pengesanan dadah dalam air kencing yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia 2002.

[24] Adalah jelas berdasarkan penghakiman kes di atas, IGSO-Bab F bukanlah satu undang-undang yang mengawal selia tatacara pengambilan air kencing yang mesti dipatuhi dan diikuti oleh pihak polis dan mempunyai implikasi dari segi undang-undang.

[25] Mahkamah berpendapat undang-undang yang mengawal selia berkaitan dengan kesalahan dadah dan tatacara pengambilan sampel air kencing terhadap orang yang di syaki menggunakan dadah ialah Akta Dadah Berbahaya 1952.

[26] Walaupun begitu, Akta ini tidak menetapkan secara terperinci, prosedur yang harus digunakan oleh pihak yang berkenaan sama ada polis, kastam atau pegawai perubatan berkait dengan proses pengambilan sampel dan ujian saringan awal air kencing serta penganalisaan air kencing oleh Jabatan Patologi Malaysia.

[27] Oleh itu prosedur pengambilan, ujian saringan awal dan penganalisaan air kencing adalah bergantung kepada perintah tetap atau garis panduan yang dikeluarkan oleh jabatan masing-masing.

[28] Seksyen 31A Akta Dadah Berbahaya 1952 ada memperuntukkan mengenai kuasa pegawai perubatan, pegawai polis berpangkat Sarjan ke atas dan pegawai kastam untuk mengarahkan seseorang yang ditangkap kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta ini, menyediakan spesimen air kencing bagi tujuan pemeriksaan di bawah sub-s (1) dan (1A).

[29] Seksyen 31A Akta Dadah Berbahaya 1952 memperuntukkan seperti berikut:

> 31A Examination of arrested person by a medical officer
>
> (1) When any person is arrested on a charge of committing an offence against this Act –
>
> (a) Which is of such a nature; or
>
> (b) Which is alleged to have been committed under such circumstances,
>
> as give reasonable grounds for believing that an examination of his person will afford evidence as to the commission of an offence against this Act, it shall be lawful for a medical officer acting at the request of any police officer not below the rank of Sergeant, or any other officer in charge of a police station, or any officer of customs, and for any person acting in aid of a medical officer and under his direction, to make such an examination or examinations of the person arrested as may be reasonably

necessary in order to ascertain the facts which may afford such evidence, and to use or cause to be used such force as may be reasonably necessary.

(1A) For the purpose of preservation of evidence, it shall be lawful for a police officer not below the rank of sergeant or an officer of customs to require an arrested person tp provide a specimen of the urine for the purposes of an examination under subsection (1) if it is not practicable for the medical officer or the persons who is acting in aid of or on the direstion of a medical officer to obtain the specimen of the urine within a reasonable period.

(1B) Any person who, without reasonable excuse, fails to provide a specimen of his urine as may be required under subsection (1) or (1A) shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding four years or to both.

(2) For the purposes of this section 'medical officer' includes any person employed by the Government or a statutory authority as a medical officer or as a chemist.

[30] Adalah penting untuk dinyatakan di sini bahawa di bawah s 31A(1A) terdapat keperluan air kencing tertuduh diambil dengan kadar segera bagi tujuan keterangan pemeliharaan bukti 'preservation of evidence' sebelum kesemua kesan dadah hilang daripada badan tertuduh. Di dalam kes ini arahan untuk tertuduh menyediakan air kencing dibuat oleh SP1, yang merupakan seorang pegawai polis berpangkat ASP. Justeru itu mahkamah berpendapat prosedur ini telah memenuhi peruntukan s 31A(1A) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[31] Di dalam Akta ini tidak ada peruntukan undang-undang yang mewajibkan spesimen air kencing perlu diambil sebanyak dua botol untuk ujian saringan dan penganalisaan oleh jabatan patologi.

[32] Juga tidak terdapat peruntukan di dalam Akta berkaitan yang mengatakan jika tatacara dan garis panduan di bawah IGSO-Bab F dan Garis Panduan KKM 2002 tidak dipatuhi, ia akan memberi impak dan menjejaskan keputusan ujian air kencing tertuduh.

[33] Di samping itu, ia juga tidak memperuntukkan IGSO-Bab F atau garis panduan tersebut perlu dibaca bersama dengan peruntukan di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952.

[34] Justeru itu mahkamah berpendapat, oleh kerana Akta yang mengawal selia tatacara pengambilan spesimen air kencing tertuduh ialah Akta Dadah Berbahaya 1952 ianya bermakna adalah tidak mandatori untuk pihak polis di dalam kes ini menyediakan dua botol sampel air kencing milik tertuduh untuk dibuat ujian saringan awal dan penganalisaan oleh jabatan patologi.

Isu (3) – Adakah satu botol sampel air kencing sahaja digunakan telah memprejudiskan tertuduh

[35] Berkait dengan isu di perenggan 3, peguam yang terpelajar bagi pihak tertuduh berhujah, ketidakpatuhan prosedur ini telah memprejudiskan pembelaan tertuduh dan keberkesanan ujian-ujan yang patut dijalankan telah tidak dapat disempurnakan mengakibatkan ketidak adilan kepada tertuduh.

[36] Oleh itu peguam mengatakan pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes prima facie ke atas tertuduh dan tertuduh sewajarnya dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri di atas pertuduhan.

[37] Berkait dengan prosedur pengambilan sampel air kencing tertuduh, majistret yang bijaksana di dalam penghakimannya mengatakan seperti berikut di ms 59–61 rekod rayuan:

> Ujian saringan awal telah dijalankan oleh SP1 lebih kurang jam 7 petang pada 23/06/2014 dengan disaksikan oleh tertuduh dan anggota yang lain. SP1 telah mengiringi tertuduh semasa pengumpulan sampel air kencing dan tertuduh sendiri telah memegang, membawa botol spesimen (P5) bernombor siri 0482094 dan meletakkan di atas meja di bilik Sarjan Operasi Balai Polis Temerloh.
>
> SP1 mengatakan hasil ujian saringan menggunakan 'test strip', beliau mendapati air kencing tertuduh mengandungi dadah jenis Methamphetamine. SP1 telah memaklumkan kepada tertuduh hasil saringan awal ini.
>
> Selepas itu SP1 mengarahkan tertuduh menutup botol yang mengandungi spesimen air kencing tersebut. Botol itu kemudiannya dilabelkan dengan butiran-butiran tertuduh seperti nama dan, nombor kad pengenalan, tarikh dan tandaan Methamphetamine. Disamping itu tertuduh dan SP1 juga telah menurunkan tandatangan pada botol tersebut. Botol tersebut kemudian diseal PDRM 217. Selepas itu SP1 telah membuat laporan polis 3611/14.
>
> Pada jam lebih kurang 9 malam 23/06/2014, SP1 kemudiannya menyerahkan tertuduh bersama P5, borang permintaan ujian pengesanan dadah dalam air kencing dan borang serah menyerah barang kes kepada pegawai penyiasat, SP4.
>
> SP4 menyimpan P5 di dalam peti besi berkunci di pejabatnya dan pada 25/06/2014 jam lebih kurang 12 tengah hari, beliau telah menghantar barang kes tersebut ke Jabatan Patologi Hospital Kuala Lumpur (JPKL) untuk dianalisa.
>
> SP3 adalah Pegawai Sains Kimia Hayat JPKL yang menganalisa dadah dalam sampel air kencing tersebut. Beliau mengesahkan menerima P5 di dalam keadaan baik, berseal PDRM dan berlabel nama Nor Shariful Rizal bin Noor Zawawi. Beliau juga mengatakan isi padu air kencing di dalam P5 mencukupi untuk dianalisa.
>
> SP3 juga memberikan nombor rujukan makmal (Bar Code) untuk spesimen tersebut iaitu JPHKL 14 9526959. Bar Code ini akan membedakan setiap sampel dan justeru itu menurut SP3, tidak mungkin sampel akan bercampur. SP3 telah menjalankan analisa ke atas P5 dan mendapati tidak ada pencemaran terhadap

spesimen air kencing (P5) tersebut. Hasil analisa SP3 mengesahkan air kencing tertuduh mengandungi dadah jenis Methamphetamine dan beliau telah sediakan Laporan Ujian Pengesanan Air Kencing (P9).

Pada 11/07/2014, SP3 telah menyerahkan P9 beserta dengan botol spesimen (P5) kepada SP4.

[38] Di mahkamah majistret semasa perbicaraan, SP3 telah mengecam P5 berdasarkan kepada nama, nombor bar kod JPHKL 14 9526959, *sticker* makmal dan beg spesimen milik jabatannya yang digunakan untuk 'packaging' semula botol milik tertuduh.

[39] Mahkamah berpendapat di dalam kes ini tidak ada keraguan berkait dengan identity barang kes dan tidak ada kesenjangan di dalam rantaian keterangan barang kes tersebut dari awal pengumpulan spesimen air kencing tertuduh, proses ujian saringan awal dan seterusnya ke peringkat analisa sampel air kencing oleh SP3 sehinggalah barang kes tersebut dikemukakan di mahkamah. Penemuan ini adalah berasaskan kepada fakta-fakta berikut. Selepas ditahan pada 23 June 2014 jam 6.30 petang di padang bola kawasan perumahan polis Temerloh Jaya, tertuduh telah dibawa balik ke Balai Polis Temerloh di mana ujian saringan awal telah dilakukan oleh SP1 ke atas satu botol sampel air kencing yang disediakan sendiri oleh tertuduh di mana hasil ujian saringan awal didapati positif dadah jenis methamphetamine.

[40] Sampel air kencing milik tertuduh kemudiannya dihantar ke jabatan patologi dan setelah dianalisa oleh SP3, pegawai sains dan kimia tersebut mengesahkan sampel air kencing itu mengandungi dadah jenis methamphetamine.

[41] Rantaian keterangan barang kes tidak terputus dan juga tidak pernah dicabar oleh tertuduh semasa perbicaraan. Begitu juga ketepatan keputusan penganalisaan oleh SP3 juga kekal tidak tercabar kerana keterangannya bahawa walaupun hanya satu botol sampel air kencing disediakan oleh SP1, isipadu atau kuantiti sampel air kencing tersebut adalah mencukupi untuk dianalisa. Selain itu SP3 juga mengesahkan air kencing tersebut tidak tercemar. Sepanjang perbicaraan tertuduh juga tidak mencabar kepakaran SP3.

[42] Mahkamah berpendapat sama seperti ahli kimia yang memberikan keterangan didalam kes-kes yang melibatkan s 39B Akta Dadah Berbahaya, keterangan SP3, pegawai sains dan kimia mestilah diterima 'on its face value'. Ini kerana tugas SP3 di dalam kes ini hanya untuk mengesahkan air kencing di dalam sampel air kencing tertuduh mengandungi dadah yang berkenaan atau tidak. Lihat *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492, *Junaidi bin Abdullah v Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 217, *Khoo Hi Chiang v Public Prosecutor and another appeal* [1994] 1 MLJ 265. Di dalam kes *Munusarny v*

Public Prosecutor, Mohamed Azmi SCJ ketika menyampaikan penghakiman Mahkamah Agong memutuskan seperti yang berikut:

> The only reason for sending the exhibits to the chemist is to determine their identity and to confirm what other witnesses have suspected ...
>
> We are therefore of the view, that in this type of cases where the opinion of the chemist is confined only to the elementary nature and identity of substance, the court is entitled to accept the opinion of the expert on its face value, unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert to contradict the opinion.

[43] Mahkamah berpendapat, prinsip undang-undang dalam kes ini juga terpakai kepada kes yang ada di hadapan mahkamah. Adalah nyata bahawa sebab dan musabab kenapa sampel air kencing milik tertuduh dihantar kepada SP3 adalah untuk tujuan penganalisaan, bagi mengesahkan atau memastikan air kencing tertuduh mengandungi methamphetamine atau tidak seperti yang disyaki oleh SP1 berasaskan kepada saringan awal air kencing yang dibuat oleh SP1.

[44] Oleh itu mahkamah seharusnya menerima keterangan SP3 'on its face value' termasuklah keterangan beliau yang mengatakan sampel air kencing ('P5') yang diterimanya adalah mencukupi untuk penganalisaan dan ianya tidak pernah tercemar selain keterangan substantif bahawa air kencing tersebut itu mengandungi methamphetamine. Jika tertuduh tidak berpuas hati dan tidak bersetuju dengan keputusan tersebut maka mereka bolehlah memanggil pegawai sains dan kimia yang lain untuk menyangkal keterangan dan pendapat SP3.

[45] Berkait dengan penghujahan peguam bahawa hanya satu sampel air kencing yang diambil dan ianya telah memprejudiskan tertuduh, mahkamah berpendapat oleh kerana undang-undang tidak menetapkan sama ada satu atau dua atau tiga sampel perlu diambil untuk tujuan pemeriksaan air kencing, walaupun hanya satu sampel diambil, ia tidak memberi efek kepada keputusan penganalisaan kerana SP3 telah mengatakan jumlah sampel air kencing yang diambil adalah mencukupi untuk dibuat penganalisaan dan air kencing tersebut juga tidak tercemar.

[46] Mahkamah berpendapat di bawah s 31A Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah amat signifikan untuk menyatakan di sini bahawa undang-undang tidak menyatakan tentang keperluan untuk mendapatkan satu, atau dua atau tiga sampel air kencing milik tertuduh untuk dibuat saringan awal dan selepas itu penganalisaan oleh pegawai sains. Begitu juga undang-undang tidak menghalang satu sampel diambil untuk tujuan yang sama tetapi ia mestilah diambil di atas arahan sarjan ke atas jika pegawai itu adalah seorang polis. Lihat s 31A(1A) Akta Dadah Berbahaya 1952. Ini adalah berdasarkan analogi

bahawa berapa banyak sampel air kencing yang diambil pun ia tetap sama iaitu air kencing tersebut milik tertuduh. Apa yang material untuk pembuktian kes ialah botol yang mengandungi spesimen air kencing itu telah dilabel dengan sempuma dengan nama tertuduh, nombor kad pengenalan, nombor pelekat, berseal dan lain-lain untuk memastikan ianya tidak bertukar dengan sampel air kencing milik orang lain. Fakta yang material juga ialah ujian yang betul dan sempurna telah dibuat oleh pegawai sains dan kimia.

[47] Oleh itu berkait dengan kualiti keterangan, mahkamah berpendapat tidak perlu ada perbedaan dan perbandingan sama ada satu atau dua atau tiga sampel air kencing diambil. Apa yang material ialah sampel air kencing yang diambil untuk saringan awal adalah sama dengan sampel air kencing yang yang dihantar ke jabatan patologi untuk penganalisaan, isi padu sampel yang diambil adalah mencukupi untuk penganalisaan dan sampel spesimen tersebut tidak tercemar. Tidak ada gunanya jika dua atau tiga botol sampel air kencing diambil tetapi isi padunya tidak mencukupi atau perlabelan yang dibuat tidak sempurna kerana ia akan menjejaskan ketepatan penganalisaan air kencing dan menimbulkan keraguan terhadap identiti sampel air kencing tersebut.

DAPATAN MAHKAMAH

[48] Di dalam kes ini tertuduh dituduh menggunakan dadah berbahaya jenis methamphetamine ke dalam tubuh badan iaitu satu kesalahan di bawah s 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dibaca bersama s 38B(1) Akta yang sama.

[49] Elemen yang perlu dibuktikan ialah:

(a) perayu telah menggunakan dadah berbahaya jenis methamphetamine ke dalam tubuh badannya; dan

(b) urine tertuduh telah dianalisa didapati mengandungi dadah jenis methamphetamine.

Lihat *Public Prosecutor v Chan Kam Leong* [1989] 1 MLJ 326; [1989] 2 CLJ Rep 311.

[50] Adalah jelas di dalam kes ini bahawa majistret yang bijaksana berpuas hati dengan keterangan yang diberikan oleh SP3 dan telah menerima keterangan SP3 untuk membuktikan elemen penggunaan dadah methamphetamine oleh tertuduh. Ini adalah dapatan fakta majistret yang seharusnya tidak diganggu oleh mahkamah.

[51] Mahkamah berpendapat prosedur pengambilan dan keputusan penganalisaan air kencing adalah teratur mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952. Mahkamah berpuas hati berasaskan kepada keterangan, tidak berlaku

pencemaran terhadap spesimen air kencing milik tertuduh dan isi padu spesimen air kencing adalah mencukupi untuk tujuan penganalisaan oleh SP3. Justeru itu walaupun hanya satu sampel air kencing milik tertuduh diambil, ia tidak memprejudiskan tertuduh dan tidak mendatangkan ketidakadilan kepadanya. Oleh yang demikian mahkamah ini bersetuju dengan dapatan Puan majistret yang bijaksana bahawa satu kes prima facie telah dibuktikan terhadap tertuduh berasaskan kepada s 37(k) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[52] Seksyen 37 (k) Akta Dadah Berbahaya memperuntukkan seperti yang berikut:

> (k) if a person is charged for an offence of consuming a dangerous drug or administering a dangerous drug to himself or suffering any other person to administer a dangerous drug to him, and any dangerous drug is found in the urine of the person charged as a result of a urine test conducted under section 31A, the person shall be presumed, until the contrary is proved, to have consumed the drug or to have administered the drug to himself or to have suffered any other person to administer the drug to him in contravention of this Act or its regulations.

[53] Di dalam kes *Public Prosecutor v Mohamad Rasid bin Jusoh* [2009] MLJU 178; [2009] 9 CLJ 557 mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

> In conclusion, on the strength of the presumptive evidence afforded by the detection of methamphetamine in the urine of the accused, the fact that the prosecution had led evidence to prove there was no break in the chain of evidence, the magistrate should have ruled there was a prima facie case to answer.

KONKLUSI

[54] Mahkamah berpendapat kegagalan untuk mematuhi IGPSO-Bab F atau Garis Panduan KKM 2012 tidak semestinya menyebabkan satu sabitan itu diketepikan. Sesuatu sabitan itu hanya boleh diketepikan jika berasaskan kepada keseluruhan keterangan, dapatan yang dibuat oleh majistret itu adalah tidak selamat atau tidak memuaskan. Di dalam kes ini mahkamah tidak nampak berasaskan kepada keterangan yang ada di hadapan mahkamah, dapatan yang dibuat oleh majistret adalah tidak memuaskan dan tidak selamat.

[55] Selepas dipanggil membela diri, tertuduh telah diterangkan dengan tiga pilihan untuk memberi keterangan. Tertuduh memahaminya dan memilih untuk berdiam diri. Puan majistret telah membuat dapatan, setelah menimbang keseluruhan keterangan dan exhibit bahawa OKT telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pihak

pendakwaan. OKT didapati bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan. Beliau telah dihukum tujuh bulan penjara dan di letak di bawah pengawasan polis selama dua tahun.

[56] Setelah meneliti alasan penghakiman dan rekod rayuan, mahkamah mendapati tidak terdapat alasan-alasan yang munasabah untuk mahkamah ini menganggu keputusan puan majistret. Oleh yang demikian, rayuan tertuduh terhadap sabitan ditolak. Sabitan dan hukuman ke atas tertuduh dikekalkan.

Rayuan ditolak; sabitan dan hukuman dikekalkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad